

11/12/2001

Penguat kuasa di sempadan ditambah

Zulkofli Jamaludin

PUTRAJAYA, Isnin - Kerajaan akan menambah pegawai penguat kuasa di sempadan untuk menghalang kemasukan pendatang tanpa izin ke negara ini, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, penambahan itu membabitkan kawasan yang dikenal pasti sering digunakan pendatang tanpa izin untuk masuk ke Malaysia melalui Sabah.

Pada sidang akhbar selepas menghadiri perhimpunan bulanan Kementerian Dalam Negeri di sini hari ini, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, penambahan itu membolehkan anggota penguat kuasa ditempatkan dengan lebih mudah di kawasan strategik.

"Penempatan ini tidak semestinya membabitkan pegawai yang baru diambil. Ia boleh membabitkan pegawai berpengalaman daripada agensi lain dari mana-mana tempat.

"Penguat kuasa ini pula boleh ditugaskan di sesuatu tempat untuk tempoh tertentu," katanya.

Mengenai kedudukan bekas gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao, Nur Misuari, Abdullah berkata, Malaysia tetap dengan pendiriannya untuk menghantar pulang pemimpin itu ke Filipina seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat lalu.

"Dari awal kita ingin menghantar dia pulang. Kalau mereka (Filipina) mahu kita hantar, dan kalau tidak mahu kita hantar ke negara yang sanggup menerima dia," katanya.

Misuari kini dalam tahanan polis Malaysia selepas dia bersama enam pengikutnya ditangkap kerana masuk ke negara ini tanpa dokumen perjalanan yang sah pada 24 November lalu.

Dia menjadi buruan kerajaan Filipina selepas mengisytiharkan perang terhadap kerajaan negara itu bulan lalu.

Mengenai laporan ada pensyarah universiti menyampaikan syarahan politik sepuluh minit sebelum mula mengajar, Abdullah berkata, Kementerian Pendidikan perlu memantau perkara itu dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap mereka terbabit.

"Kementerian Pendidikan bertanggungjawab untuk memastikan kegiatan seperti itu tidak berlaku di kampus terutama sekali jika ia membabitkan pensyarah," katanya sambil menambah kerajaan mempunyai maklumat daripada orang tertentu yang membuat laporan.

Sementara itu, Abdullah mahu semangat muhibah, prihatin dan penyayang yang ditunjukkan kakitangan awam sepanjang Ramadan ini diteruskan untuk mewujudkan budaya kerja cemerlang.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan bukan saja mahu melahirkan kakitangan yang cekap, tetapi cemerlang ketika menawarkan perkhidmatan serta bantuan supaya rakyat menghargainya.

"Pekerja cekap dapat melaksanakan tugas dengan baik mengikut arahan, manakala pekerja cemerlang pula menjalankan tanggungjawab dengan semangat prihatin, muhibah serta diringi salam.

"Mereka yang mendapat perkhidmatan kita adalah daripada semua lapisan masyarakat, bukan hanya golongan miskin dan kurang berada tetapi dari peringkat menengah atau menengah atas," katanya.

(END)